

30/08/2003

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Kadir Dikoh

SEORANG wartawan wanita Mexico berkata beliau terkejut mendengar berita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersara Oktober ini, selepas Perdana Menteri membuat pengumuman itu Jun tahun lalu.

"Beliau adalah seorang pemimpin hebat, lantang bersuara dan tidak takut kepada kuasa besar," katanya kepada penulis ketika sama-sama membuat liputan Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Los Cabos, Mexico, Oktober lalu.

Wartawan berkulit sawo matang itu turut memuji tindakan Dr Mahathir menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) ketika krisis ekonomi Asia 1997/98 dan mengakui tindakan kerajaannya (Mexico) menadah tangan kepada IMF membawa padah.

Itulah Dr Mahathir yang memang dikenali pada peringkat antarabangsa dan popular di kalangan wartawan asing kerana kelantangannya dan berterus terang serta menjadi suara kepada Dunia Ketiga.

Nescaya, sebut saja nama Dr Mahathir seantero dunia, ramai orang kenal sama ada di benua Amerika Syarikat, Eropah, Asia Barat atau Afrika, apatah lagi di sebelah Asia Timur.

Ramai pemimpin negara sahabat Malaysia menjemput Dr Mahathir melawat negara mereka sehingga jadualnya padat sebelum akhir Oktober ini.

Kedudukannya sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan bakal mengetuai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, meletakkan nama Dr Mahathir berada di barisan hadapan di kalangan negara membangun dan negara Islam.

Kerana kelantangannya menyuasakan nasib negara membangun, negara kecil dan miskin, beliau digelar sebagai `jurucakap dunia ketiga atau negara membangun'. Malah nada keras suaranya mengecam Barat, mendapat sanjungan meskipun sesetengah negara menyokongnya secara senyap kerana takut diketahui negara kuasa besar.

Sebabnya?... kerana negara terbabit terhutang budi atau berhutang wang dari Amerika Syarikat atau melalui agensi kawalannya seperti IMF.

Malah, sudah ada suara di kalangan negara Islam mahukan beliau menyandang jawatan Setiausaha Agung OIC selepas bersara nanti. Sesetengah negara membangun mahukan beliau menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), satu kedudukan yang tidak mungkin beliau mahu selagi badan dunia itu masih tunduk kepada kemahuan kuasa besar seperti `kerbau dicucuk hidung'.

Idea yang diperkenalkan Dr Mahathir seperti perkongsian pintar, kerjasama saling menguntungkan dan makmurkan jiran diterima pakai Afrika dan membawa kepada penubuhan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika pada 1997 iaitu satu daripada cabang Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Kerana Dr Mahathir jugalah nama Malaysia dikenali di dunia hingga sesetengah negara Islam mahu menjadikan Malaysia sebagai negara Islam moden yang ingin mereka contohi.